



## FAQ PERMOHONAN LANJUTAN TAULIAH

### 1) Bilakah proses permohonan lanjutan boleh dilakukan?

- Permohonan lanjutan tauliah boleh dilakukan melalui sistem e-tauliah Wilayah Persekutuan sekuranya-kurang **3 bulan sebelum tamatnya tempoh tauliah pemohon.**

### 2) Apakah terdapat dokuman yang diperlukan untuk proses lanjutan ini?

- Ya, pemohon perlu melampirkan semula Salinan sijil kelayakan akademik (Agama) dan Salinan Kad Pengenalan untuk semakan oleh pihak urusetia

### 3) Adakah saya boleh melampirkan Salinan sijil khusus atau tauliah di negeri lain ketika proses lanjutan?

- Ya, pemohon digalakkan untuk melampirkan Salinan sijil khusus atau sijil perakuan tauliah mengajar dari negeri lain bagi memberi nilai tambah kepada pemohon.

### 4) Adakah terdapat bayaran yang akan dikenakan?

- Ya, bayaran yang akan dikenakan adalah berdasarkan tempoh lanjutan seperti yang berikut :

TEMPOH TAULIAH	WARGANEGARA	BUKAN WARGANEGARA
1 Tahun	30	50
3 Tahun	50	TIADA
5 Tahun	80	

**5) Bila proses bayaran boleh dilakukan?**

- Pembayaran fii hanya boleh dilakukan selepas permohonan lanjutan pemohon diluluskan oleh pihak Ahli Jawatankuasa Tauliah.

**6) Bagaimakah kaedah bayaran tersebut?**

- Pemohon boleh melakukan pembayaran melalui link dan QR yang disediakan pada sistem e-tauliah pemohon.

**7) Adakah saya perlu mengambil semula ujian bertulis dan menghadiri sesi temuduga bagi proses ini?**

- Tidak, hanya permohonan Baharu dan permohonan penambahan tahun dan kategori Sahaja perlu mengambil semula Ujian Penilaian dan menghadiri sesi temuduga serta kepada pemohon yang lulus tempoh 1 tahun perlu menjalani semula Ujian Bertulis dan Menghadiri Sesi Temuduga.

**8) Adakah saya boleh memilih tempoh lanjutan yang Baharu (Selain daripada tempoh tauliah yang telah diluluskan sebelum ini) ketika proses lanjutan?**

- Tidak, Pemohon hanya boleh memilih tempoh lanjutan berdasarkan tempoh tauliah pemohon yang telah diluluskan sebelum ini.
- Sekiranya pemohon ini menambah bilangan tahun ataupun menambah bidang kategori, maka pemohon perlu menjalani semula ujian bertulis dan menghadiri sesi temuduga yang Baharu.

**9) Sekiranya tauliah saya masih sah, tetapi saya ingin memohon untuk menambah bilangan tahun dan kategori adakah dibolehkan?**

- Ya, pemohon boleh memohon untuk menambah bilangan tahun (Bagi 1 dan 3 tahun) dan kategori (2 kategori Sahaja pada satu-satu masa), tetapi pemohon perlu melalui semula Ujian Bertulis dan menghadiri Sesi Temuduga.

**10) Adakah penambahan bilangan tahun dan kategori akan memberi kesan pada tauliah sedia ada?**

- Ya, Sekiranya pemohon lulus kesemua proses yang telah ditetapkan, maka tauliah pemohon akan mengikut kepada tempoh tauliah yang Baharu dan kategori tauliah yang telah ditambah.
- Sekiranya pemohon tidak lulus dalam mana-mana bahagian ujian, tauliah pemohon sedia ada tidak akan terjejas sehingga tempoh tauliah pemohon tamat (Kecuali bagi kes penarikan Tauliah atau Gagal proses lanjutan Tauliah)